

JAWAPAN

Unit
13

Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk

Modul PBD

1. (a) Saling membantu dan bekerjasama dalam melakukan sesuatu aktiviti
(b) Pulang ke kampung pada musim perayaan atau cuti sekolah
(c) Menziarahi rakan, jiran tetangga dan saudara-mara
(d) Bertukar-tukar makanan dengan jiran tetangga
(e) Menjemput semua kaum ke majlis rumah terbuka
(f) Memberikan angpau atau duit raya untuk menggembirakan hati kanak-kanak
2. (a) Menjadi lambang identiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum
(b) Mengukuhkan perpaduan kaum
(c) Mengelakkan berlakunya konflik antara kaum
(d) Menyumbang kepada keamanan negara
(e) Mengenali dan memahami budaya pelbagai kaum
3. (a) Bertegur sapa dengan jiran dan membantu jiran yang memerlukan bantuan
(b) Menghormati orang tua dan tidak mencelahi apabila mereka berbicara
(c) Mendengar nasihat guru dan membantu guru mengangkat barang
(d) Menunjukkan budi pekerti yang mulia dan mengamalkan sikap toleransi
(e) Mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
4. (a) Tiada sikap bekerjasama antara satu sama lain
(b) Sikap hormat-menghormati semakin berkurangan
(c) Perpaduan, keamanan dan keharmonian negara terjejas
(d) Identiti dan khazanah negara bangsa akan pupus
(e) Amalan hidup bersatu padu antara satu sama lain terhakis
(f) Timbul rasa tidak berpuas hati dan mula mengasingkan diri dari masyarakat

5. (a) Gembira kerana dapat mengekalkan tradisi masyarakat majmuk.
(b) (i) Mengukuhkan perpaduan kaum
(ii) Mengelakkan berlakunya konflik antara kaum
(c) (i) Mengajar dan menggalakkan anak-anak mengamalkan tradisi ini
(ii) Menunjukkan teladan dengan mengamalkan tradisi ini agar menjadi ikutan anak-anak
- (d) (i) Bertukar-tukar makanan dengan jiran
(ii) Membantu jiran yang memerlukan pertolongan
(iii) Menziarahi jiran tetangga/ jiran yang sakit
(iv) Menghadiri undangan rumah terbuka oleh jiran
(e) (i) Sikap bekerjasama dan hormat-menghormati semakin terhakis
(ii) Amalan hidup bersatu padu semakin terjejas
6. (a) Membantu jiran yang berpindah memungggah barang
(b) Menghadiri undangan rumah terbuka
(c) Menziarahi jiran yang sakit dan bertanyakan kesihatan jiran
(d) Bertegur sapa dengan jiran tetangga dan bertanya khabar jiran

Power KBAT

1. Setuju. Tradisi dalam masyarakat majmuk perlu dikekalkan oleh setiap kaum kerana merupakan lambang identiti masyarakat majmuk dan khazanah negara. Pengamalan tradisi ini juga dapat mengukuhkan perpaduan kaum dan menyumbang kepada keamanan dalam negara.
2. Tradisi dalam masyarakat majmuk seperti amalan ziarah-menziarahi, bertegur sapa, bekerjasama, dan hormat-menghormati akan mengeratkan hubungan antara angota masyarakat. Masyarakat dapat mengenali budaya pelbagai kaum sekali gus dapat menghindari konflik budaya. Hal ini dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah